

**SURAT PEKELILING
PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN BIL. 4/2010**

**'MAKLUMAT YANG PERLU DIKEMUKAKAN KEPADA
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA (JPPH) SEMASA
MEMOHON ANGGARAN KOS PENGAMBILAN BALIK TANAH'**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan kepada semua Kementerian/Jabatan Pengguna (KJP) mengenai maklumat yang perlu dibekalkan kepada JPPH Sarawak bagi tujuan untuk mendapatkan anggaran kos pengambilan balik tanah.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pekeliling Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) Bil. 1/2010 yang berkuatkuasa pada 1 Jun 2010 telah menyatakan di perenggan 9.3 bahawa pihak KJP perlu berhubung dengan JPPH bagi mendapatkan anggaran kos pengambilan balik tanah yang dipohon oleh KJP.
- 2.2 Semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Tanah Persekutuan Bil. 2/2010 yang telah diadakan pada 11 Oktober 2010, pihak JPPH telah membentangkan prosedur dan maklumat-maklumat yang perlu dikemukakan bagi memohon anggaran kos pengambilan tanah.

3. MAKLUMAT-MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN

Semua permohonan untuk tujuan mendapatkan anggaran kos tersebut hendaklah dikemukakan secara bersurat kepada JPPH dengan membekalkan maklumat-maklumat berikut:-

- (i) Surat rasmi permohonan nilai;
- (ii) Keterangan harta tanah/salinan Hakmilik :
 - Nombor Lot;
 - Daerah dan Bahagian;
 - Keluasan tanah yang diperlukan (keluasan dalam ukuran hektar/ekar/meter persegi)

- (iii) Pelan :
- Pelan kadastra (tanda dengan lorekan merah lot yang terlibat);
 - Pelan Bangunan/Lantai (sekiranya melibatkan bangunan)
- (iv) Laporan Tanah :
- Laluan/akses ke tapak;
 - Pembangunan sedia ada di atas tapak;
 - Gambar foto tapak;
 - Pembangunan di sekitar tapak.

4. NAMA DAN NOMBOR TELEFON PEGAWAI DI PERINGKAT BAHAGIAN

KJP juga dikehendaki mengemukakan nama dan nombor telefon pegawai di peringkat Bahagian di kawasan tapak cadangan terletak supaya dapat dihubungi dengan mudah oleh pihak JPPH sekiranya diperlukan.

5. ALAMAT PERMOHONAN KEPADA JPPH

Setiap permohonan yang dikemukakan kepada JPPH perlu dihantar ke Pejabat Cawangan yang berkaitan mengikut lokasi Bahagian harta tanah itu berada. JPPH Negeri Sarawak mempunyai tiga (3) buah Pejabat Operasi (*Rujuk Lampiran A untuk alamat*) seperti berikut:

- (i) **JPPH Cawangan Kuching** : meliputi Bahagian Kuching, Samarahan, Sri Aman dan Betong;
- (ii) **JPPH Cawangan Sibu** : meliputi kawasan Sibu, Sarikei, Mukah dan Kapit;
- (iii) **JPPH Cawangan Miri** : meliputi kawasan Bintulu, Miri dan Limbang.

6. ANGGARAN KOS PENGAMBILAN BALIK TANAH

Anggaran kos pengambilan balik tanah yang telah disediakan oleh JPPH ini hendaklah dinaikkan oleh KJP sebanyak 10%-20% daripada nilai asalnya. Tindakan ini perlu dibuat bagi mengelakkan kekurangan peruntukan iaitu sekiranya keputusan siasatan yang diputuskan oleh Penguasa (*Superintendent*) adalah lebih tinggi daripada nilai yang telah dibuat oleh pihak JPPH.

7. SENARAI SEMAK PERMOHONAN

Senarai semak permohonan adalah seperti di Lampiran B. Senarai semak ini hendaklah dikemukakan kepada JPPH.

8. PERSETUJUAN JPPH SARAWAK

Surat Pekeliling ini telah disemak dan dipersetujui oleh JPPH Sarawak.

9. TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2011**.



(DATO' AZEMI BIN KASIM)
Pesuruhjaya Tanah Persekutuan

Tarikh : **8 Disember 2010**

ALAMAT PEJABAT
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA (JPPH) DI SARAWAK

PEJABAT NEGERI

Pengarah Penilaian Negeri
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Negeri Sarawak
Tingkat 3, Wisma Hong
No.202, Batu 2 3/4, Jalan Rock

93200 KUCHING

No. Telefon : 082 - 255 116 / 082 - 255 859

No. Fax : 082 - 426 226

PEJABAT CAWANGAN

KUCHING

Penilai Daerah
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Bahagian Kuching
Tingkat 2, Wisma Hong
No.202, Batu 2 3/4, Jalan Rock

93200 KUCHING

No. Telefon : 082 - 255 116 / 082 - 255 859

No. Fax : 082 - 426 226

MIRI

Penilai Daerah
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Bahagian Miri
Tingkat 10, Plaza Yu Lan
Jalan Brooke

98000 MIRI

No. Telefon : 085 - 417 226 / 085 - 427 226

No. Fax : 085 - 415 226

SIBU

Penilai Daerah
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Bahagian Sibu
Tingkat 2 & 3
Wisma Senling, Jalan Keranji

96000 SIBU

No. Telefon : 084 - 327 407 / 084 - 327 063

No. Fax : 084 - 346 064

**Sesalinan surat permohonan perlu dihantar ke Pejabat Pengarah Penilaian Negeri*

SENARAI SEMAK

- | | |
|--|--------------------------|
| (i) Surat rasmi permohonan nilai; | <input type="checkbox"/> |
| (ii) Keterangan harta tanah/salinan Hakmilik : | |
| a) Nombor Lot | <input type="checkbox"/> |
| b) Daerah dan Bahagian | <input type="checkbox"/> |
| c) Keluasan tanah yang diperlukan | <input type="checkbox"/> |
| (iii) Pelan : | |
| • Pelan kadastra (<i>dilorek merah lot terlibat</i>) | <input type="checkbox"/> |
| • Pelan Bangunan/Lantai (<i>jika berkaitan</i>) | <input type="checkbox"/> |
| (iv) Laporan Tanah : | |
| • Laluan/akses ke tapak | <input type="checkbox"/> |
| • Pembangunan sedia ada di atas tapak | <input type="checkbox"/> |
| • Gambar foto tapak | <input type="checkbox"/> |
| • Pembangunan di sekitar tapak | <input type="checkbox"/> |

Pegawai Bahagian untuk dihubungi :

i) Nama : _____

ii) Jawatan : _____

iii) No. Telefon : _____